

## **Bab 2: Rekod Tak Lengkap (RTL)**

1. RTL merujuk kepada sistem simpan kira yang tidak mengikut sistem catatan bergu.
2. RTL dikenali sebagai sistem catatan tunggal kerana urus niaga dicatat sekali sahaja.
3. Sebab Rekod tak lengkap:
  - a) Tidak mengamalkan sistem catatan bergu
  - b) Tiada catatan urus niaga dilakukan
  - c) Dokumen perniagaan tidak disimpan secara sistematik.
  - d) Rokod perakaunan musnah atau hilang
4. Terdapat 2 cara untuk mencari untung atau rugi perniagaan:
  - a) kaedah perbandingan
  - b) kaedah analisis
5. Soalan peperiksaan yang selalu disoal:
  - a) menuntukan untung/rugi dengan kaedah perbandingan modal akhir dan modal awal
  - b) menyediakan akaun tertentu untuk membolehkan kita menyediakan akaun penamat dengan menggunakan kaedah analisis.

### **Kaedah Perbandingan Modal**

1. Membandingkan modal akhir dan awal untuk menuntukan untung atau rugi.
2. Pengiraan untung/rugi bersih:

#### **Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir ....**

Modal akhir	xx
Tambah: Ambilan	xx
	xx
Tolak: Modal tambahan	xx
Modal awal	xx
Untung/ Rugi bersih	xx

#### **Nota penting:**

Perkara yang harus diambil kira semasa mengira modal:  
a. Belanja prabayar/ Hasil belum terima/belum terperoleh  
b. Peruntukan susutnilai & peruntukan huntang ragu

#### **Contoh 1:**

Kirakan untung atau rugi bersih dengan maklumat berikut:

Modal 1 Jan 2015	6000
Modal 31 Dis 2015	8000
Ambilan	400
Modal tambahan	2500

Jawapan:

#### **Contoh 2:**

Aset dan liabiliti bagi VV Enterprise adalah seperti berikut:

	<u>1.1.2029</u>	<u>31.12.2029</u>
Kenderaan	10000	8000
Kelengkapan	2000	2000
Bank	2300	4500
Tunai	200	2200
Inventori	3200	1100
Akaun Belum Terima	5000	2600
Akaun Belum Bayar	3000	4000
Insuran prabayar	100	-
Sewa Belum Bayar	200	350

Maklumat Tambahan:

1. Vivian telah mengambil tunai sebanyak RM300 untuk membayar yuran anaknya dan barang bernilai RM5 untuk kegunaan sendiri.

2. Modal tambahan RM2000 dibawa masuk sebagai modal tambahan pada 1.4.2029.

Kirakan: a) Modal awal dan modal akhir untuk tahun 2029.

b) Untung atau rugi membandingkan dengan modal awal dan akhir.

### **Kaedah Analisis**

1. ~ digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tertinggal bagi menyediakan akaun penamat.

2. Maklumat yang biasa dicari:

a) Perbelanjaan/ Hasil sebenar

b) Belanja prabayar/ Hasil belum terima/belum terperoleh

c) Peruntukan hutang ragu & susutnilai

d) Jualan/ Belian kredit

### **Contoh:**

Mengirakan jualan kredit berdasarkan maklumat yang diberi:

Akaun Belum Terima - 1.1.2016	1000
Akaun Belum Terima - 1.1.2015	2000
Penerimaan daripada ABT	4000
Diskaun diberi	500
Hutang lapuk	450
Pulangan jualan	650
Hutang lapuk terpulih	200

**Penyediaan Akaun Penamat dan Penyata Kedudukan Kewangan daripada butir terhad**

Contoh:

Xin Yi tidak menyimpan rekod dengan lengkap. Butir-butir tertentu adalah seperti berikut:

	1.1.2029	31.12.2029	Buku Tunai			
Premis	200000	200000	Jualan	30000	Belian	10000
Van	90000	80000	Ak Belum Terima	2000	Ak Belum Bayar	3000
Ak Belum Terima	4000	5500	Diskaun diterima	350	Insurans	3000
Kelengkapan	56000	52000			Gaji	12000
Ak Belum Bayar	6700	4900			Belanja Am	4200
Bank	2000	?				
Inventori	8000	15000				
Insurans prabayar	300	0				
Gaji belum bayar	3000	4000				

Sediakan Akaun Perdagangan, Untung Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Dis 2029.

1

50